

22 AUG 2003

Gerakan-Pemuda

PEMUDA GERAKAN DAN WANITA LULUS DEKLARASI PENGHARGAAN DR M

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) - Persidangan Delegasi Pemuda Gerakan hari ini sebulat suara meluluskan Deklarasi penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kepimpinan dan sumbangan beliau kepada negara.

Persidangan turut meluluskan Deklarasi memberi sokongan dan keyakinan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia akan datang.

Ketua Pemuda Gerakan Mah Siew Keong berkata persidangan turut bersetuju untuk memberikan komitmen mereka kepada prinsip Rukunegara, Wawasan 2020 dan konsep Bangsa Malaysia.

"Kita juga bersetuju supaya penekanan yang berterusan ditumpukan pada perjuangan politik bukan perkauman dan mengukuhkan perpaduan masyarakat melalui semangat persefahaman, toleransi dan muhibbah dalam deklarasi itu," katanya kepada pemberita selepas tamat sesi persidangan pemuda Gerakan ke-16 di sini.

Persidangan sehari yang diadakan di Dewan Wawasan, Menara PGRM dihadiri 490 perwakilan pemuda.

Mah berkata perkara lain yang terkandung dalam deklarasi itu termasuk menolak semua jenis fahaman pelampau perkauman dan agama, memberi sokongan kepada dasar kerajaan untuk merangsang ekonomi, komitmen terhadap urus tadbir yang telus serta mendukung Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan.

Selain itu beliau berkata persidangan kali ini turut menerima Program Tindakan Pergerakan Pemuda Gerakan 2003 yang antara lain menyeru supaya aktiviti-aktiviti Projek Anak Malaysia dilaksanakan.

Persidangan Pemuda juga menyeru Kementerian Pertahanan supaya memberi penjelasan teliti tentang pelan tindakan dan jadual pelaksanaan Program Perkhidmatan Nasional bagi mengelakkan kekeliruan.

Mah juga berkata persidangan pemuda dalam meluluskan Program Tindakan Pemuda Gerakan 2003 juga menyeru kerajaan terus mengamalkan sistem meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tetapi menyeragamkan peperiksaan kemasukan.

Sementara itu, Persidangan Perwakilan Wanita ke-16 Gerakan meluluskan lima usul termasuk penghargaan kepada Dr Mahathir dan sokongan kepada Abdullah, perkara berkaitan Rukun Negara, Hak-hak Wanita, Khidmat Negara dan pendidikan.

-- BERNAMA

AT HM PR